



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

[UTAMA](#)
[FAKTA &  
ANGKA](#)
[MEDIA](#)
[DIREKTORI  
KAKITANGAN](#)
[LOKASI](#)
[PETA  
LAMAM](#)
[SOALAN  
LAZIM](#)
[HUBUNGI  
KAMI](#)
[CARI](#)


Selasa, Januari 15, 2013

[MENGENAI KAMI](#)
[PENYELIDIKAN](#)
[AKADEMIK](#)
[JARINGAN](#)
[ANTARABANGSA](#)
[KEHIDUPAN KAMPUS](#)
[PERKHIDMATAN](#)
[A-](#) | [A](#) | [A+](#) ENGLISH

Berita » PELANTIKAN NAIB CANSOLOR UPM



**PUTRAJAYA, 3 Januari** - Kementerian Pengajian Tinggi mengumumkan pelantikan YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi Hj. Ramlan, 52, sebagai Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) yang baharu untuk tempoh selama tiga (3) tahun berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2015.

Beliau yang berpengalaman dalam bidang akademik selama 24 tahun menggantikan Prof. Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi.

#### Asas-asas Pemilihan

Menurut kenyataan akhbar Menteri Pengajian Tinggi, YB. Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin hari ini, asas-asas pemilihan Naib Canselor ialah kerana UPM merupakan sebuah universiti berstatus penyelidikan yang mempunyai pelbagai kepakaran dan *niche* dalam bidang pertanian.

"Pemilihan Prof. Datuk Dr. Fauzi Ramlan sebagai Naib Canselor UPM adalah berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan oleh Kementerian serta mengambil kira pengalaman akademik, penyelidikan, dan kepakaran beliau serta pengalaman memegang jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia.

"Pemilihan beliau diharapkan dapat membawa UPM ke tahap yang lebih tinggi di peringkat negara dan juga antarabangsa," katanya.

#### Fokus dan Cabaran UPM

Sebagai Naib Canselor baharu, kementerian berharap beliau dapat memastikan UPM akan terus memberi fokus kepada isu dan cabaran kecukupan makanan (*food security*) dalam konteks negara dan global.

"Peranan ini boleh dicapai melalui penghasilan modal insan berpengetahuan tinggi dan hasil penyelidikan yang dapat mencipta ilmu baharu yang mampu melonjakkan lagi kualiti sektor pertanian negara khususnya. Ini bersesuaian dengan matlamat UPM menjadi Pusat Kecemerlangan Pendidikan, Penyelidikan dan Perkhidmatan Pertanian, dan Biosumber Tropika yang tersohor dan berwibawa," katanya.

#### Latar belakang pendidikan dan kerjaya

Prof. Datuk Dr. Fauzi b. Hj. Ramlan dilahirkan pada 15 Oktober 1960 dan berasal dari Johor. Beliau mempunyai Diploma Pertanian daripada Universiti Pertanian Malaysia, diikuti dengan *Bachelor of Science (Agronomy)* dari Iowa State University, *Master of Science* dari Louisiana State University dan seterusnya *PhD. (Biology)* dari Universiti of York.

Beliau merupakan Profesor dalam bidang pertanian di Universiti Putra Malaysia dan telah berkhidmat di UPM semenjak 29 April 1986 sebelum dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) di UPM, beliau pernah berkhidmat di Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sebagai Pengarah di Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Pelajar pada 1 Oktober 2006.

Sepanjang perkhidmatan di UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi pernah menjawat jawatan sebagai Prof. Madya di Jabatan Sains Pertanian dan juga Pengetua Kolej Kedua. Dilahirkan pada 15 Oktober 1960, beliau menganggotai Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Ahli Ganti LPU Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Beliau dikurniakan Darjah Kebesaran Johan Setia Mahkota (J.S.M) 2009 dan Darjah dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka - Darjah Mulia Seri Melaka (D.M.S.M) 2011 yang membawa gelaran Datuk.

#### Penghargaan dan Terima Kasih Kepada Naib Canselor Terdahulu

Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin berkata Kementerian Pengajian Tinggi turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Profesor Dato' Ir. Dr. Radin Umar bin Radin Sohadi, mantan Naib Canselor UPM. Kepimpinan dan bakti yang dicurahkan beliau semenjak dilantik pada Januari 2011 telah berjaya

mengekalkan kecemerlangan UPM sebagai sebuah universiti yang ulung di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

**Berita ini disediakan oleh Pejabat Pemasaran dan Komunikasi, UPM dan foto oleh Mohammad Izrul bin Abdul Jabar**

RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan | Jumlah Pelawat : 695518  
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768 (S1)

@2012 Universiti Putra Malaysia  
Kemaskini Terakhir : 15 Jan 2013

